JUZU' KE-30

SURAH AL-INSYIQAQ

SURAH KE

84

سُورَةُ الانْشِقَاق

SURAH AL-INSYIQAQ

Surah Langit Terbelah

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT

25

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

Ayat-ayat dan Terjemahan

إِذَا السَّمَاءُ انْشَقَّتْ ﴿١﴾

وَأَذِنَتْ لِرَبِّهَا وَحُقَّتْ ﴿٢﴾

وَإِذَا الْأَرْضُ مُدَّتْ ﴿٣﴾ وَأَلْقَتْ مَا فِيهَا وَتَخَلَّتْ ﴿٤﴾

وَأَذِنَتْ لِرَبِّهَا وَحُقَّتْ ﴿٥﴾

يَا أَيُّهَا الْإِنْسَانُ إِنَّكَ كَادِحٌ إِلَىٰ رَبِّكَ كَدْحًا فَمُلَاقِيهِ ﴿٦﴾

فَأَمَّا مَنْ أُوتِيَ كِتَابَهُ بِيَمِينِهِ ﴿٧﴾

فَسَوْفَ يُحَاسَبُ حِسَابًا يَسِيرًا ﴿٨﴾

وَيَنْقَلِبُ إِلَىٰ أَهْلِهِ مَسْرُورًا ﴿٩﴾

وَأَمَّا مَنْ أُوتِيَ كِتَابَهُ وَرَاءَ ظَهْرِهِ ﴿١٠﴾

"Apabila langit pecah terbelah(1). Dan mematuhi perintah Tuhannya dan memang kewajipannya mematuhi perintah(2). Dan apabila bumi ditarik lebar(3). Dan meluahkan keluar isi kandungannya dan menjadi kosong(4). Dan mematuhi perintah Tuhannya dan memang kewajipannya mematuhi perintah(5). Wahai insan! Sesungguhnya engkau bekerja dengan begitu penat menuju kepada Tuhanmu, maka (pada akhirnya) engkau tetap akan menemui-Nya(6). Barang siapa yang diserahkan buku amalannya dari sebelah kanannya(7). Maka ia akan dihisab dengan Hisab yang mudah dan ringan(8). Dan ia akan kembali kepada keluarganya (di dalam Syurga) dengan riang gembira(9). Dan barang siapa yang diserahkan buku amalannya dari sebelah belakangnya."(10).

فَسَوْفَ يَدْعُو ثُبُورًا ﴿١١﴾ وَيَصْلَىٰ سَعِيرًا ﴿١٢﴾

إِنَّهُ كَانَ فِي أَهْلِهِ مَسْرُورًا ﴿١٣﴾

إِنَّهُ ظَنَّ أَنْ لَنْ يَحُورَ ﴿١٤﴾

بَلَىٰ إِنَّ رَبَّهُ كَانَ بِهِ بَصِيرًا ﴿١٥﴾

فَلَا أُقْسِمُ بِالشَّفَقِ ﴿١٦﴾ وَاللَّيْلِ وَمَا وَسَقَ ﴿١٧﴾

وَالْقَمَرِ إِذَا اتَّسَقَ ﴿١٨﴾ لَتَرْكَبُنَّ طَبَقًا عَنْ طَبَقٍ ﴿١٩﴾

فَمَا لَهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿٢٠﴾

"Maka ia akan meraung-raung mengutuk dirinya yang malang(11). Dan dia akan masuk ke dalam Neraka yang menjulang marak(12). Sesungguhnya (ketika di dunia dahulu) ia sentiasa bersukaria dalam keluarganya(13). Sesungguhnya dahulu dia menyangka bahawa dia tidak akan kembali (kepada Tuhannya)(14). Malah sebenarnya Tuhannya sentiasa melihat tindak-tanduknya(15).Sesungguhnya Aku bersumpah dengan cahaya merah (di waktu senja)(16). Dan demi malam dan segala apa yang dilindunginya(17). Demi bulan ketika ia mengambang penuh purnama(18). (Wahai insan!) Sesungguhnya kamu akan menunggang (peringkat perkembangan hidup) setingkat demi setingkat(19). Mengapakah mereka tidak mahu beriman?"(20).

وَإِذَا قُرِئَ عَلَيْهِمُ الْقُرْآنُ لَا يَسْجُدُونَ ﴿٢١﴾

بَلِ الَّذِينَ كَفَرُوا يُكَذِّبُونَ ﴿٢٢﴾

وَاللَّهُ أَعْلَمُ بِمَا يُوعُونَ ﴿٢٣﴾

فَبَشِّرْهُمْ بِعَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿٢٤﴾

إِلَّا الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ لَهُمْ أَجْرٌ غَيْرُ مَمْنُونٍ ﴿٢٥﴾

"Dan mengapa apabila dibaca kepada mereka Al-Qur'an mereka tidak sujud?(21). Sebenarnya orang-orang yang kafir itu sentiasa mendustakan (ajaran yang benar)(22). Sedangkan Allah lebih mengetahui segala apa yang disembunyikan (di dalam hati mereka)(23). Oleh itu, (wahai Muhammad!) Sampaikan kepada mereka berita gembira bahawa mereka akan mendapat 'azab yang amat pedih(24). Kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang salih. Mereka akan mendapat pahala yang tidak putus-putus."(25).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Surah ini dimulakan dengan menayangkan beberapa pandangan Qiamat yang dijelaskan dengan luas di dalam Surah at-Takwir, Surah al-Infitar dan Surah an-Naba', tetapi gambaran Qiamat yang ditayangkan di dalam surah ini mempunyai satu ciri khusus yang berlainan, iaitu ciri menyerah diri kepada Allah, di mana langit dan bumi menyerah diri dengan penuh patuh dan khusyu' kepada Allah:

إِذَا ٱلسَّمَآءُ ٱنشَقَّتۡ ﴿١﴾ وَأَذِنَتۡ لِرَبِّهَا وَحُقَّتۡ ﴿٢﴾
وَإِذَا ٱلۡأَرۡضُ مُدَّتۡ ﴿٣﴾ وَأَلۡقَتۡ مَا فِيهَا وَتَخَلَّتۡ ﴿٤﴾
وَأَذِنَتۡ لِرَبِّهَا وَحُقَّتۡ ﴿٥﴾

"Apabila langit pecah terbelah(1). Dan mematuhi perintah Tuhannya dan memang kewajipannya mematuhi perintah(2). Dan apabila bumi ditarik lebar(3). Dan meluahkan keluar isi kandungannya dan menjadi kosong(4). Dan mematuhi perintah Tuhannya dan memang kewajipannya mematuhi perintah."(5)

Itulah pembukaan yang menimbulkan rasa khusyu' yang mendalam sebagai persediaan untuk bertitah kepada manusia dan mencampakkan rasa rendah diri kepada Allah di dalam hati mereka, di samping mengingatkan persoalan diri mereka dan untung nasib mereka yang akan diterimanya di sisi Allah kelak dalam suasana khusyu', patuh dan menyerah diri, iaitu suasana yang ditimbulkan oleh langit dan bumi dalam pemandangan Qiamat yang begitu menggerunkan:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلۡإِنسَٰنُ إِنَّكَ كَادِحٌ إِلَىٰ رَبِّكَ كَدۡحٗا فَمُلَٰقِيهِ ﴿٦﴾
فَأَمَّا مَنۡ أُوتِيَ كِتَٰبَهُۥ بِيَمِينِهِۦ ﴿٧﴾
فَسَوۡفَ يُحَاسَبُ حِسَابٗا يَسِيرٗا ﴿٨﴾
وَيَنقَلِبُ إِلَىٰٓ أَهۡلِهِۦ مَسۡرُورٗا ﴿٩﴾
وَأَمَّا مَنۡ أُوتِيَ كِتَٰبَهُۥ وَرَآءَ ظَهۡرِهِۦ ﴿١٠﴾

"Wahai insan! Sesungguhnya engkau bekerja dengan begitu penat menuju kepada Tuhanmu, maka (pada akhirnya) engkau tetap akan menemui-Nya(6). Barang siapa yang diserahkan buku amalannya dari sebelah kanannya(7). Maka ia akan dihisab dengan Hisab yang mudah dan ringan(8). Dan ia akan kembali kepada keluarganya (di dalam Syurga) dengan riang gembira(9) Dan barang siapa yang diserahkan buku amalannya dari sebelah belakangnya."(10)

فَسَوۡفَ يَدۡعُواْ ثُبُورٗا ﴿١١﴾ وَيَصۡلَىٰ سَعِيرًا ﴿١٢﴾
إِنَّهُۥ كَانَ فِيٓ أَهۡلِهِۦ مَسۡرُورًا ﴿١٣﴾
إِنَّهُۥ ظَنَّ أَن لَّن يَحُورَ ﴿١٤﴾
بَلَىٰٓۚ إِنَّ رَبَّهُۥ كَانَ بِهِۦ بَصِيرٗا ﴿١٥﴾

Maka ia akan meraung-raung mengutuk dirinya yang malang(11). Dan dia akan masuk ke dalam Neraka yang menjulang marak(12). Sesungguhnya (ketika di dunia dahulu) ia sentiasa bersukaria dalam keluarganya(13). Sesungguhnya dahulu dia menyangka bahawa dia tidak akan kembali (kepada Tuhannya)(14). Malah sebenarnya Tuhannya sentiasa melihat tindak-tanduknya."(15)

Bahagian yang ketiga menayangkan pemandangan alam buana yang berlaku sekarang di depan pancaindera mereka, iaitu pemandangan-pemandangan yang menunjukkan kehalusan tadbir dan perencanaan Allah di samping menjelaskan hakikat setelah bersumpah dengan pemandangan-pemandangan itu bahawa manusia tetap melalui berbagai-bagai keadaan yang direncana dan diaturkan oleh Allah. Mereka tidak dapat menghindarkan diri dari menempuh dan mengalami keadaan-keadaan itu:

فَلَآ أُقۡسِمُ بِٱلشَّفَقِ ﴿١٦﴾ وَٱلَّيۡلِ وَمَا وَسَقَ ﴿١٧﴾
وَٱلۡقَمَرِ إِذَا ٱتَّسَقَ ﴿١٨﴾ لَتَرۡكَبُنَّ طَبَقًا عَن طَبَقٖ ﴿١٩﴾

"Sesungguhnya Aku bersumpah dengan cahaya merah (di waktu senja)(16). Dan demi malam dan segala apa yang dilindunginya(17). Demi bulan ketika ia mengambang penuh purnama(18). (Wahai insan!) Sesungguhnya kamu akan menunggang (peringkat perkembangan hidup) setingkat demi setingkat."(19)

Kemudian datang pula bahagian yang akhir dari surah ini menyatakan kehairanan terhadap sikap orang-orang yang tidak beriman. Itulah hakikat mereka sebagaimana yang telah dijelaskan di dalam dua bahagian yang silam, dan itulah kesudahan hidup mereka dan kesudahan alam dunia ini sebagaimana yang dijelaskan di dalam bahagian pertama surah ini. Oleh itu:

فَمَا لَهُمۡ لَا يُؤۡمِنُونَ ﴿٢٠﴾
وَإِذَا قُرِئَ عَلَيۡهِمُ ٱلۡقُرۡءَانُ لَا يَسۡجُدُونَ ﴿٢١﴾

"Mengapakah mereka tidak mahu beriman?(20). Dan mengapa apabila dibaca kepada mereka Al-Qur'an mereka tidak sujud?"(21)

Kemudian dijelaskan bahawa ilmu Allah mengetahui segala apa yang disembunyikan mereka di dalam hati sanubari mereka, dan diiringi dengan ancaman bahawa mereka akan menerima balasan yang telah ditentukan:

بَلِ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ يُكَذِّبُونَ ﴿٢٢﴾

وَٱللَّهُ أَعۡلَمُ بِمَا يُوعُونَ ﴿٢٣﴾
فَبَشِّرۡهُم بِعَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿٢٤﴾
إِلَّا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَعَمِلُواْ ٱلصَّٰلِحَٰتِ لَهُمۡ أَجۡرٌ غَيۡرُ مَمۡنُونِۭ ﴿٢٥﴾

"Sebenarnya orang-orang yang kafir itu sentiasa mendustakan (ajaran yang benar)(22). Sedangkan Allah lebih mengetahui segala apa yang disembunyikan (di dalam hati mereka)(23). Oleh itu, (wahai Muhammad!) Sampaikan kepada mereka berita gembira bahawa mereka akan mendapat 'azab yang amat pedih(24). Kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang salih. Mereka akan mendapat pahala yang tidak putus-putus."(25)

Nada pernyataan surah ini tenang, tetapi mempunyai saranan yang amat besar. Inilah cirinya yang dominan sehingga dalam pemandangan-pemandangan Qiamat sedangkan pemandangan-pemandangan itu ditayangkan dalam Surah dalam suasana yang gempar dan dahsyat. Gaya pengucapan dalam surah ini, ialah gaya pengucapan yang memberi kesedaran yang lemah-lembut selangkah demi selangkah, dengan cara yang tenang tenteram. Kata-kata:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلۡإِنسَٰنُ

"Wahai manusia!"(6)

mengandungi peringatan dan perangsang kepada hati nurani manusia.

Bahagian-bahagian surah ini yang disusunkan sedemikian rupa membawa hati manusia menjelajah berbagai-bagai bidang kejadian alam dan persoalan-persoalan manusia yang bersilih ganti. Ia dimulai dengan pemandangan penyerahan diri alam buana, kemudian ia menyentuh hati manusia, kemudian pemandangan Hisab dan Balasan, pemandangan alam dan fenomena-fenomenanya yang menarik yang terbentang di depan mata, kemudian sekali lagi menyentuh hati manusia, kemudian melahirkan kehairanan dan takjub terhadap perilaku orang-orang yang masih tidak mahu beriman setelah diberikan semua penjelasan ini. Dan kemudian memberi ancaman 'azab keseksaan di samping mengecualikan orang-orang Mu'min yang akan dikurniakan pahala yang tak kunjung putus.

Seluruh pengembaraan, pemandangan, saranan dan sentuhan itu dimuatkan dalam satu surah yang pendek yang tidak lebih dari beberapa baris sahaja. Hal ini tidak mungkin ditemui melainkan hanya di dalam kitab suci Al-Qur'an yang aneh ini sahaja. Kerana tujuan-tujuan ini tidak mungkin dijelaskan dalam ruang yang besar sekuat daya dan keberkesanan penjelasan Al-Qur'an. Memang Al-Qur'an itu mudah menyampaikan peringatan. Ia berbicara secara langsung dengan hati manusia melalui jalan yang dekat. Itulah sifat firman Allah Yang Maha Mengetahui dan Maha Pakar.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 5)

Langit Mematuhi Perintah Allah

"Apabila langit pecah terbelah(1). Dan mematuhi perintah Tuhannya dan memang kewajipannya mematuhi perintah(2). Dan apabila bumi ditarik lebar(3). Dan meluahkan keluar isi kandungannya dan menjadi kosong(4). Dan mematuhi perintah Tuhannya dan memang kewajipannya mematuhi perintah."(5)

Kejadian langit yang terbelah pada Hari Qiamat itu telah pun diterangkan di dalam surah-surah yang lain. Tetapi perkara baru yang dikemukakan di dalam surah ini ialah penyerah diri langit kepada Tuhannya iaitu ia wajib menyerah diri menjunjung perintah Tuhannya dengan penuh keta'atan dan kepatuhan:

"Dan mematuhi perintah Tuhannya dan memang kewajipannya mematuhi perintah."(2)

Kepatuhan langit kepada perintah Tuhannya ialah keta'atannya menjunjung perintah-Nya supaya pecah dan terbelah.

Kewajipan itu tertanggung ke atasnya langit mengaku berkewajipan terhadap Allah dan inilah salah satu gejala kepatuhan yang diwajibkan ke atas dirinya dan diterima olehnya.

Ada lagi satu perkara baru yang dikemukakan di dalam surah ini iaitu bumi pada Hari Qiamat kelak akan ditarik lebar:

"Dan apabila bumi ditarik lebar."(3)

Bumi Meluahkan Segala Isi Kandungannya

Mungkin maksudnya kawasan dan bentuk bumi kelak akan diregang dan ditarik lebar menyebabkan peraturan-peraturan dan undang-undang yang mengendalikan perjalanannya dan memelihara bentuk bulatnya yang ada sekarang ini menjadi kacau-bilau dan kucar-kacir. Di sini diungkapkan bahawa perkara ini berlaku dari tindakan yang datang dari luar bumi dengan menggunakan kata kerja majhul (*possessive*) **"ditarik luas"**.

"Dan meluahkan keluar isi kandungannya dan menjadi kosong."(4)

Ayat ini menggambarkan bumi seolah-olah makhluk hidup yang meluahkan keluar isi kandungannya dari berbagai-bagai makhluk yang tidak terhitung dan tidak dikelahui banyaknya melainkan Allah, termasuklah isi kandungan di dalam bumi seperti logam-logam, air-air dan rahsia-rahsia yang hanya diketahui Allah. Semua isi kandungan ini telah dikandung bumi abad demi abad sehingga sampailah pada Hari Qiamat, dan pada hari itulah bumi akan meluahkan keluar semua isi kandungannya itu.

وَأَذِنَتْ لِرَبِّهَا وَحُقَّتْ ٥

"Dan mematuhi perintah Tuhannya dan memang kewajipannya mematuhi perintah."(5)

Bumi juga turut mematuhi perintah Allah seperti langit dan mengakui bahawa ta'at dan patuh kepada perintah Allah itu merupakan kewajipannya. Di dalam ayat-ayat ini langit dan bumi digambarkan seolah-olah dua makhluk yang bernyawa yang menerima dan menyambut perintah dengan segera dan patuh tanpa menyeleweng dan tanpa dipaksa.

Walaupun pemandangan-pemandangan di dalam surah ini merupakan pemandangan-pemandangan Qiamat, namun gambarannya di sini diselubungi suasana khusyu', hebat dan tenang tenteram dan meninggalkan di dalam hati semangat penyerahan diri dan kepatuhan yang tidak tahu menyangkal atau membantah.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 6 - 9)

Dalam suasana khusyu', patuh dan ta'at inilah bergemanya seruan Allah kepada manusia di hadapan alam buana dengan langit dan buminya yang menyerah diri sepenuhnya kepada Allah:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلْإِنسَٰنُ إِنَّكَ كَادِحٌ إِلَىٰ رَبِّكَ كَدْحًا فَمُلَٰقِيهِ ٦

Wahai insan! Sesungguhnya engkau bekerja dengan begitu penat menuju kepada Tuhanmu, maka (pada akhirnya) engkau tetap akan menemui-Nya."(6)

Perjuangan Meerupakan Ciri Kehidupan Manusia

"Wahai manusia!" (يا أيها الإنسان) yang telah dijadikan Allah dengan limpah ihsan-Nya, dan dikurniakan dengan sifat insaniyah yang menjadikannya satu makhluk yang unik di alam ini, juga dengan sifat-sifat yang sepatutnya boleh menjadikannya satu makhluk yang lebih mengenali Allah dan lebih mematuhi Allah dari langit dan bumi. Allah meniupkan roh ciptaan-Nya pada manusia dan melengkapkannya dengan daya kebolehan untuk berhubung dengan-Nya dan untuk menerima pancaran nur dari-Nya. Manusia juga telah dikurniakan kesediaan untuk menerima limpah hidayat-Nya supaya ia dapat membersihkan dirinya dan meningkat naik setinggi-tingginya hingga sampai kepada darjat yang sempurna yang direncanakan Allah untuk umat manusia, dan ufuk-ufuk kesempurnaan ini amatlah tinggi dan jauh:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلْإِنسَٰنُ إِنَّكَ كَادِحٌ إِلَىٰ رَبِّكَ كَدْحًا فَمُلَٰقِيهِ ٦

"Wahai insan! Sesungguhnya engkau bekerja dengan begitu penat menuju kepada Tuhanmu, maka (pada akhirnya) engkau tetap akan menemui-Nya."(6)

Maksudnya, wahai insan! Engkau berpenat lelah meredah jalan pengembaraan hidupmu, engkau berpenat lelah memikul beban dan tanggunganmu, engkau berpenat lelah berusaha dan berjuang dan engkau berpenat lelah berjalan untuk sampai kepada Allah di akhir perjalananmu. Ya, engkau akan pulang kepada Allah setelah engkau berpenat lelah dalam hidupmu.

Wahai insan! Engkau terpaksa berpenat lelah walaupun untuk mencapai kenikmatan dan kesenangan hidupmu. Engkau tidak akan mencapai kenikmatan itu di bumi ini melainkan dengan kesungguhan bekerja dan dengan penat lelah berusaha, sama ada kepenatan tubuh badan dan kerja kuat atau kepenatan berfikir dan meluah perasaan. Pengalaman sedemikian dialami oleh semua orang yang berada atau orang yang tidak berada. Cuma yang berbeza ialah jenis kesungguhan bekerja dan kepenatan yang dialaminya. Oleh itu, kepenatan dan kejerihan itu merupakan suatu hakikat yang tetap dalam kehidupan manusia. Kemudian seluruh manusia akan mengakhiri penjelajahan hidupnya dengan kepulangan kepada Allah.

Wahai insan! Engkau tidak akan menemui kerehatan di muka bumi ini buat selama-lamanya. Kerehatan ini hanya berada di Akhirat untuk mereka yang patuh dan menyerah diri kepada Allah. Kepenatan dan kejerihan hanya satu sahaja di bumi dalam kehidupan dunia ini walaupun berlainan warna dan rasa, tetapi akibatnya berlain-lainan apabila engkau sampai kepada Tuhanmu. Di sana ada orang yang menerima kepenatan dan kesusahan yang mengatasi segala kepenatan dan kesusahan di muka bumi ini, dan ada orang yang menerima kenikmatan yang menghapuskan segala penderitaan yang pedih dan jerih yang dialaminya di bumi seolah-olah ia tidak pernah mengalami kepenatan dan kejerihan.

Wahai insan yang dikurniakan dengan sifat-sifat kemanusiaan yang istimewa! Pilihlah untuk dirimu jalan yang layak dan sesuai dengan sifat-sifat istimewa yang dikurniakan Allah kepadamu! Pilihlah jalan yang memberi kerehatan kepadamu dari segala kepenatan semasa engkau menemui Allah kelak:

Seruan ini menghubungkan dengan untung nasib yang akan diterima oleh orang-orang yang berpenat lelah dan bertungkus lumus di dunia apabila mereka sampai di penghujung jalan menemui Tuhan mereka:

فَأَمَّا مَنْ أُوتِيَ كِتَٰبَهُۥ بِيَمِينِهِۦ ٧

فَسَوْفَ يُحَاسَبُ حِسَابًا يَسِيرًا ﴿٨﴾

"Barang siapa yang diserahkan buku amalannya dari sebelah kanannya(7). Maka ia akan dihisab dengan Hisab yang mudah dan ringan."(8)

Upacara Penyerahan Buku Laporan Amalan

Orang yang diserahkan buku laporan amalannya dari sebelah kanannya ialah orang yang mendapat keredhaan Allah yang berbahagia, iaitu orang yang beriman dan beramal dengan baik. Kerana itu ia diredhai Allah dan dikurniakan keselamatan dari 'azab Akhirat. Ia dihisab dengan Hisab yang mudah dan ringan. Ia tidak diperiksa dengan halus dan rapi. Hal ini telah digambarkan dengan cukup jelas oleh hadith-hadith yang diterima dari Rasulullah s.a.w.:

عن عائشة – رضي الله عنها – قالت : قال رسول الله – صلى الله عليه وسلم – :((من نوقش الحساب عذب)). قالت : أفليس قال الله تعالى : ((فسوف يحاسب حساباً يسيراً)) . قال : ((ليس ذلك بالحساب ، ولكن ذلك العرض . من نوقش الحساب يوم القيامة عذب - (أخرجه البخاري ومسلم والترمذي والنسائي).

"Dari Aisyah r.a. katanya: Rasulullah s.a.w. telah bersabda, ***"Barangsiapa dihisab dengan halus akan di'azab.*** *Kata Aisyah: Aku pun bertanya: Tidakkah Allah telah berfirman:* ***Ia akan dihisab dengan hisab yang mudah dan ringan?*** *Jawab beliau:* ***Itu bukannya hisab. Itu hanya pembentangan amalan sahaja, barangsiapa yang dihisab dengan halus pada hari Qiamat akan di'azab."***

(Dikeluarkan oleh al-Bukhari, Muslim, at-Tirmizi dan an-Nasa'i)

وعنها كذلك قالت : سمعت رسول الله – صلى الله عليه وسلم – يقول في بعض صلاته : ((اللهم حاسبني حساباً يسيراً)) .. فلما انصرف قلت : يا رسول الله ، ما الحساب اليسير؟ قال : ((أن ينظر في كتابه فيتجاوز له عنه . من نوقش الحساب يا عائشة ، يومئذ هلك)) - (رواه الإمام أحمد).

"Dari Aisyah juga katanya: Aku dengar Rasulullah s.a.w. berdo'a di dalam setengah-setengah solatnya: ***"Ya Tuhanku, hisabkan aku dengan hisab yang mudah dan ringan."*** *Apabila beliau selesai aku pun bertanya: "Ya Rasulullah, apakah hisab yang mudah dan ringan itu?" Jawab beliau:* ***"Dilihat sahaja buku amalannya, kemudian dimaafkannya. Wahai Aisyah! Barang siapa yang dihisab dengan halus pada hari itu akan dibinasa."***

(Diriwayatkan oleh al-Imam Ahmad)

Itulah maksud Hisab yang mudah dan ringan yang akan dihadapi oleh orang yang menerima buku laporan amalannya dengan tangan kanannya. Ia akan selamat dari 'azab.

وَيَنقَلِبُ إِلَىٰٓ أَهْلِهِۦ مَسْرُورًا ﴿٩﴾

"Dan ia akan kembali kepada keluarganya (di dalam Syurga) dengan riang gembira."(9)

Iaitu anggota-anggota keluarganya yang terselamat dan masuk Syurga sebelumnya.

Di Dalam Syurga Setiap Orang Dikumpulkan Kembali Dengan Kelompok Yang Disayangi Di Dunia

Ayat ini memberi pengertian bahawa orang-orang yang sehaluan dan bersatu di atas keimanan dan kebaikan dari ahli-ahli Syurga akan berkumpul kembali di dalam Syurga. Ia akan bercantum kembali di dalam Syurga dengan semua anggota keluarganya, sahabat handainya dan orang-orang yang dikasihinya.

Ayat ini menggambarkan bahawa orang yang terselamat dari Hisab yang halus itu akan kembali ke pangkuan kelompoknya yang mempunyai hubungan kasih mesra dengannya setelah ia selesai menghadapi keadaan yang genting itu. Ia pulang kepada mereka dengan riang gembira kerana mendapat keselamatan dan kerana dapat bertemu kembali di dalam Syurga.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 10 - 12)

Petanda Nasib Yang Malang Di Akhirat

Nasib orang ini bertentangan dengan nasib orang yang mendapat keseksaan dan kebinasaan kerana dosa-dosanya, dan menerima buku laporan amalannya dengan perasaan hampa dan kecewa:

"Dan barang siapa yang diserahkan buku amalannya dari sebelah belakangnya(10). Maka ia akan meraung-raung mengutuk dirinya yang malang."(11)

Sebelum ini yang biasa kita temui di dalam ungkapan-ungkapan Al-Qur'an ialah buku laporan amalan yang diserahkan dari sebelah kanan dan buku laporan amalan yang diserahkan dari sebelah kiri, tetapi di dalam ayat ini terdapat satu gambaran baru iaitu buku amalan yang diserahkan dari sebelah belakang. Nampaknya tiada halangan jika dikatakan bahawa orang yang diserahkan buku laporan amalannya dari sebelah kiri itu juga diserahkan buku laporan amalannya itu dari sebelah belakangnya. Ini adalah gambaran manusia yang hampa dan kecewa.

Kita tidak mengetahui hakikat buku laporan amalan dan bagaimana ia diserahkan dari sebelah kanan atau sebelah kiri atau dari belakang, tetapi apa yang dapat kita simpulkan dari ayat yang pertama ialah golongan itu akan mendapat keselamatan dan dari ayat yang kedua ialah golongan ini akan mendapat kebinasaan. Itulah dua hakikat yang dikehendaki supaya kita mempercayainya dengan penuh keyakinan. Dan

segala gambaran yang lain adalah dituju untuk menghidupkan pemandangan dan mendalamkan keberkesanannya di dalam hati kita. Hanya Allah jua yang mengetahui apa yang sebenar akan berlaku dan bagaimana caranya ia akan berlaku.

Manusia yang malang ialah manusia yang menghabiskan umur hidupnya di bumi ini di dalam kegiatan maksiat, dosa dan kesesatan dengan menderita kepenatan dan keletihan. Manusia yang seperti ini kelak akan mengetahui kesudahannya dan akan menghadapi untung nasibnya. Di waktu itu ia akan sedar bahawa kepenatan yang akan dideritainya pada kali ini (di Akhirat) adalah satu kepenatan yang amat panjang yang tiada batas kesudahannya, kerana itulah ia memanggil kebinasaan atau maut supaya menyelamatkannya dari kecelakaan itu. Dan andainya seseorang itu berdo'a supaya terus binasa atau mati untuk menghindarkan dirinya dari kecelakaan, bererti ia tidak mempunyai sebarang tempat perlindungan lagi untuk menyelamatkannya, kerana itu tiada lain yang diimpikannya melainkan maut sahaja.

Inilah yang dimaksudkan oleh penyajak al-Mutanabbi dalam sebuah sajaknya yang menggambarkan bahawa keberatan penyakit anda dikira telah sampai kemuncak apabila anda memandang maut itu sahaja yang boleh menjadi penawarnya dan maut sahaja menjadi satu-satunya impian anda.

Tetapi yang lebih celaka dari segala kecelakaan ialah:

"Dan dia akan masuk ke dalam Neraka yang menjulang marak."(12)

Dan inilah kecelakaan yang mahu dihindarinya dengan memanggil maut supaya menyelamatkan dirinya dari kecelakaan itu, tetapi jauh bumi dari langit.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 13 - 15)

Di hadapan pemandangan manusia yang malang itu, Al-Qur'an kembali sebentar ke zaman silamnya yang telah membawa kecelakaan kepadanya itu:

"Sesungguhnya (ketika di dunia dahulu) ia sentiasa bersukaria dalam keluarganya(13). Sesungguhnya dahulu dia menyangka bahawa dia tidak akan kembali (kepada Tuhannya)."(14)

Demikianlah keadaannya di dunia dahulu, tetapi kini kita bersama Al-Qur'an sedang berada pada Hari Hisab dan Balasan. Kita telah meninggalkan bumi jauh di belakang kita iaitu jauh dari segi waktu dan jauh dari segi tempat.

"Sesungguhnya (ketika di dunia dahulu) ia sentiasa bersukaria dalam keluarganya."(13)

Cara Hidup Dan Cara Berfikir Orang-orang Yang Bernasib Malang Di Akhirat Semasa Berada Di Dunia

Dahulu ia sentiasa bersukaria di dalam kalangan keluarganya hingga menyebabkannya lupa terhadap masa depannya dan lalai terhadap balasan-balasan yang menunggunya di Akhirat, kerana itu ia tidak membuat apa-apa perhitungan dan bekalan terhadap hari itu.

"Sesungguhnya dahulu dia menyangka bahawa dia tidak akan kembali (kepada Tuhannya)"(14)

yang telah menciptakannya. Andainya ia berfikir bahawa pada akhir penjelajahan hidupnya ia akan kembali kepada Tuhannya tentulah ia menyimpan bekalan dan membuat sesuatu untuk menghadapi Hari Hisab.

"Malah sebenarnya Tuhannya sentiasa melihat tindak-tanduknya."(15)

Maksudnya, dia menyangka bahawa dia tidak akan kembali kepada Allah. Tetapi sebenarnya Allah mengetahui segala gerak langkahnya dan akan membalas segala tindak-tanduknya. Demikianlah nasibnya apabila perjalanannya berakhir kepada kesudahan yang telah ditetapkan dalam ilmu Allah dan terpaksa dihadapinya.

Gambaran si malang yang sedang bersukaria bersama keluarganya di dalam kehidupan dunia yang pendek dan penat itu dipadankan pula dengan gambaran orang yang berbahagia yang pulang ke pangkuan keluarganya di dalam kehidupan Akhirat yang kekal, bebas, indah, bahagia, senang-lenang dan sunyi dari segala bentuk kepenatan dan kepayahan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 16 - 19)

Setelah selesai dari pengembaraan yang luas dan banyak meninggalkan kesan yang mendalam, iaitu pengembaraan yang membabitkan berbagai-bagai pemandangan dan berbagai-bagai pembicaraan itu, mereka dibawa kembali kepada pemandangan-pemandangan alam yang dihayati mereka, sedangkan mereka lalai dari memerhatikan hikmat yang disarankan oleh pemandangan-pemandangan itu, iaitu hikmat pentadbiran dan perencanaan Allah yang merangkuli alam buana dan diri mereka. Dan Allah menentukan perencanaan-Nya dengan rapi peringkat-peringkat perubahan keadaan yang melalui mereka:

فَلَآ أُقۡسِمُ بِٱلشَّفَقِ ﴿١٦﴾ وَٱلَّيۡلِ وَمَا وَسَقَ ﴿١٧﴾
وَٱلۡقَمَرِ إِذَا ٱتَّسَقَ ﴿١٨﴾ لَتَرۡكَبُنَّ طَبَقًا عَن طَبَقٖ ﴿١٩﴾

"Sesungguhnya Aku bersumpah dengan cahaya merah (di waktu senja)(16). Dan demi malam dan segala apa yang dilindunginya(17). Demi bulan ketika ia mengambang penuh purnama(18). (Wahai insan!) Sesungguhnya kamu akan menunggang (peringkat perkembangan hidup) setingkat demi setingkat."(19)

Saranan Waktu Senja Yang Diselubungi Warna Merah

Tujuan Allah bersumpah dengan pemandangan alam ialah supaya hati manusia merenunginya dan menerima saranan-saranan dan projeksi-projeksinya. Pemandangan-pemandangannya itu mempunyai satu ciri istimewa yang menumpukan perasaan khusyu' yang tenang tenteram dengan perasaan gentar terhadap keagungan Allah. Pemandangan-pemandangan ini pada umumnya sesuai dengan pemandangan-pemandangan di bahagian awal surah ini.

Waktu cahaya senja yang merah ialah waktu yang menimbulkan perasaan khusyu' dan gerun selepas terbenamnya sang suria, iaitu waktu jiwa diselubungi rasa kagum yang tenang dan mendalam, waktu hati merasakan erti perpisahan atau selamat tinggal dan segala perasaan sedih dan pilunya, merasakan kehebatan hari malam yang mendatang, merasakan kesepian di dalam kegelapan malam yang sedang merangkak, dan akhirnya seluruh hati diselimuti perasaan khusyu', perasaan takut yang sulit dan perasaan sunyi yang tenang.

"Dan demi malam dan segala apa yang dilindunginya."(17)

Saranan Waktu Malam Dengan Isi Kandungannya

Maksudnya, waktu malam dengan segala, apa yang terkumpul dan terkandung di dalamnya. Di sini waktu malam disebut dengan ungkapan yang begitu umum, begitu majhul dan begitu menggerunkan. Memang hari malam mengumpul dan mengandungi seribu satu macam benda dan perkara. Renungan mengembara begitu jauh untuk menghitungkan segala sesuatu yang dikumpul dan dikandung malam yang terdiri dari benda, hidup-hidupan, peristiwa-peristiwa, perasaan-perasaan dan berbagai-bagai alam yang tersembunyi di dalam lubang-lubang bumi dan lubuk-lubuk hati, kemudian renungan itu pulang kembali dari pengembaraannya yang jauh tanpa mendapatkan semua gambaran yang dikandungkan oleh sepotong ayat yang pendek ini:

وَٱلَّيۡلِ وَمَا وَسَقَ ﴿١٧﴾

"Dan demi malam dan segala apa yang dilindunginya."(17)

Ungkapan yang mendalam dan aneh ini telah membuat malam diselubungi perasaan takut dan gerun, perasaan khusyu' dan sunyi yang selaras dengan waktu senja yang merah yang samar-samar menimbulkan perasaan takut, gerun dan sunyi.

"Demi bulan ketika ia mengambang penuh purnama."(18)

Saranan Bulan Purnama Raya

Ini satu lagi pemandangan yang tenang, indah dan menarik iaitu pemandangan bulan di malam-malam ia mengambang penuh memandikan bumi dengan cahayanya yang romantis, menimbulkan perasaan khusyu', menyarankan sunyi sepi dan merangsangkan penjelajahan yang jauh di alam-alam nyata dan alam-alam yang tersembunyi di lubuk perasaan. Ia memberi suasana yang berkait rapat dengan suasana cahaya senja yang merah, suasana malam dan segala apa yang dilindunginya. Kedua-duanya bertemu dalam keagungan, khusyu' dan sunyi sepi.

Semua pemandangan alam yang indah, agung, gemilang, menggerun dan mengilhamkan itu dipetik oleh Al-Qur'an dengan petikan-petikan segera untuk berbicara dengan hati manusia yang lalai dari merenungi firman-firman-Nya mengenai kejadian-kejadian alam. Pemandangan-pemandangan itu dikemukakan dengan sumpah supaya pemandangan-pemandangan itu dapat diterapkan dengan jelas di dalam perasaan dan hati manusia, iaitu dapat diterapkan dengan segala dinamikannya dan keindahannya, dengan segala saranan dan projeksinya, juga dengan segala pengertiannya yang membuktikan qudrat kuasa Allah yang mengendalikan perencanaan alam ini, yang mengatur segala gerak langkahnya dan yang menyusun segala perubahan keadaan-keadaannya termasuk keadaan-keadaan manusia, sedangkan manusia terus lalai:

"(Wahai insan!) Sesungguhnya kamu akan menunggang (peringkat perkembangan hidup) setingkat demi setingkat."(19)

Manusia Menempuh Berbagai-bagai Situasi Perubahan Sepanjang Masa Hidupnya

Maksudnya, kamu akan mengalami keadaan demi keadaan menurut perencanaan- perencanaan dan keadaan-keadaan yang telah ditetapkan oleh Allah. Dalam ayat ini pengalaman manusia yang menempuh keadaan-keadaan yang berubah itu diungkapkan dengan kata-kata **"menunggang"** kerana ungkapan menunggang bahaya, malapetaka dan keadaan-keadaan itu merupakan satu ungkapan yang lumrah di dalam bahasa Arab seperti kata bidalan mereka:

إن المضطر يركب الصعب من الأمور وهو عالم بركوبه.

"Orang yang susah sanggup menunggang segala kesulitan dan pandai pula menunggangnya"

seolah-olah keadaan-keadaan itu merupakan binatang-binatang kenderaan yang ditunggang

manusia satu demi satu. Setiap binatang itu membawa mereka dari satu perhentian ke satu perhentian yang baru mengikut kehendak perencanaan Allah yang menuntun binatang-binatang itu bersama-sama penunggang-penunggangnya. Perjalanan-perjalanan itu diatur rapi sama seperti ia mengaturkan keadaan-keadaan alam yang berubah-ubah seperti waktu senja yang merah, waktu malam dengan segala isinya dan bulan mengambang penuh purnama. Mereka akan terus berjalan sehingga sampai kepada Allah sebagaimana telah dijelaskan oleh ayat-ayat yang silam.

Penjelasan yang tersusun rapi di dalam bahagian-bahagian surah ini dan perpindahannya yang halus dari satu pembicaraan ke satu pembicaraan dan dari satu pengembaraan ke satu pengembaraan merupakan salah satu sifat Al-Qur'an yang indah.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 20 - 21)

Golongan Manusia Yang Memandang Sepi Kepada Saranan-saranan Alam Dan Al-Qur'an

Dalam suasana pemandangan-pemandangan yang akhir ini, juga pemandangan-pemandangan dan pengembaraan yang terdahulu di dalam surah ini, Allah menyatakan kehairanan-Nya terhadap sikap orang-orang yang masih tidak mahu beriman walaupun mereka berdiri di depan berbagai-bagai kejadian alam yang mengilham dan memberi bukti-bukti keimanan yang terdapat pada diri mereka dan pada alam buana semuanya:

فَمَا لَهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿٢٠﴾

وَإِذَا قُرِئَ عَلَيْهِمُ الْقُرْآنُ لَا يَسْجُدُونَ ﴿٢١﴾

"Mengapakah mereka tidak mahu beriman?(20). Dan mengapa apabila dibaca kepada mereka Al-Qur'an, mereka tidak sujud?"(21)

Ya, mengapakah mereka tidak mahu beriman?

Bukti-bukti yang menyarankan keimanan yang terdapat dalam pemandangan-pemandangan alam dan keadaan-keadaan perubahan yang dilalui manusia sentiasa berdepan dengan hati manusia di mana sahaja mereka berada. Bahkan kejadian-kejadian alam yang mencetuskan iman itu terdapat begitu banyak, begitu mendalam, begitu kuat dan begitu berat dalam neraca hakikat sehingga mereka tidak dapat melarikan diri dari kepungannya. Kejadian-kejadian itu membisik dan memanggil mereka apabila mereka memberi telinga dan hati kepadanya.

فَمَا لَهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿٢٠﴾

وَإِذَا قُرِئَ عَلَيْهِمُ الْقُرْآنُ لَا يَسْجُدُونَ ﴿٢١﴾

"Mengapakah mereka tidak mahu beriman?(20). Dan mengapa apabila dibaca kepada mereka Al-Qur'an, mereka tidak sujud?"(21)

Allah berbicara dengan manusia dengan menggunakan bahasa fitrah. Ia membuka pintu hati mereka kepada kejadian-kejadian alam yang mengilhamkan iman dan menunjukkan bukti-buktinya yang terdapat pada diri mereka dan terdapat di merata pelusuk alam. Ia membangkitkan di dalam hati mereka perasaan taqwa, khusyu', ta'at dan tunduk kepada Allah Pencipta alam. Inilah yang dimaksud dengan "sujud" dalam ayat tadi.

Alam ini amat indah dan amat memberi ilham. Di alam ini terdapat berbagai-bagai kejadian yang mencetuskan setinggi-tinggi perasaan respon khusyu' dan patuh di dalam hati manusia.

Al-Qur'an juga amat indah dan amat memberi ilham. Di dalam lembaran-lembaran Al-Qur'an terdapat berbagai-bagai ayat yang memberi ilham dan menghubungkan hati manusia dengan alam yang indah dan dengan Penciptanya Yang Maha Agung. Di dalam Al-Qur'an tercurah hakikat alam yang agung yang membayangkan hakikat Penciptanya Yang Maha Agung.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 22 - 25)

Sifat Dan Tabi'at Orang Kafir Yang Tidak Berubah

Ini sungguh aneh. Kemudian Allah menerangkan hakikat orang-orang kafir dan untung nasib yang menunggu mereka:

بَلِ الَّذِينَ كَفَرُوا يُكَذِّبُونَ ﴿٢٢﴾

وَاللَّهُ أَعْلَمُ بِمَا يُوعُونَ ﴿٢٣﴾

"Sebenarnya orang-orang yang kafir itu sentiasa mendustakan (ajaran yang benar)(22). Sedangkan Allah lebih mengetahui segala apa yang disembunyikan (di dalam hati mereka)."(23)

Maksudnya, orang-orang kafir itu selama-lamanya mendustakan ajaran yang benar. Itulah tabi'at dan sifat asli mereka, tetapi Allah mengetahui segala rahsia dalam dada mereka, segala kejahatan dan niat-niat curang dan motif-motif pendustaan yang tersimpan di dalam hati mereka.

Sampai di sini cerita mereka ditamatkan dan firman-Nya secara langsung dihadapkan kepada Rasulullah s.a.w.:

فَبَشِّرْهُم بِعَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿٢٤﴾

"Oleh itu, (wahai Muhammad!) Sampaikan kepada mereka berita gembira bahawa mereka akan mendapat 'azab yang amat pedih."(24)

Alangkah dahsyatnya berita gembira itu, iaitu berita gembira yang sama sekali tidak menggembirakan dan sekaligus itu juga diterangkan untung nasib yang menunggu orang-orang Mu'min yang tidak mendustakan ajaran Allah dan bersedia dengan amalan-amalan yang salih untuk masa depan mereka. Penerangan ini diberikan dalam bentuk pengecualian dari untung nasib orang-orang kafir yang mendustakan kebenaran itu:

"Kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang salih. Mereka akan mendapat pahala yang tidak putus-putus."(25)

Inilah yang dipanggil dalam istilah bahasa Arab استثناء منقطع (pengecualian yang terputus), kerana orang-orang yang beriman dari awal lagi tidak termasuk dalam berita gembira yang hitam itu, kemudian mereka dikecualikan darinya, tetapi pengungkapan sedemikian rupa lebih merangsangkan perhatian kepada perkara yang dikecualikan itu.

Maksudnya, pahala yang tidak putus ialah pahala yang berterusan di negeri Akhirat yang kekal abadi. Dengan senikata yang tegas dan ringkas ini tamatlah surah yang pendek ungkapannya ini, tetapi jauh jangkauannya di ruang alam dan di lubuk-lubuk hati nurani manusia.

* * * * * *